



کتوا حاکیم شرعی

KETUA HAKIM SYARIE

Aras 5, Mahkamah Syariah Perak,
Jalan Tan Sri Hj Harussani,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.

Tel: 05-5018402
Faks: 05-5018540
Emel: khsperek@esyariah.gov.my

Ruj. Kami: JKSPk 600-1/2/4 Jld. 3 (70)

Tarikh : 21 Zulhijjah 1446H

18 Jun 2025M

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A.A Pengerusi Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Rayuan Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Y. Bhg. Tuan Ketua Pendaftar Mahkamah Utama Syariah
Perak Darul Ridzuan

Tuan/Puan Hakim-Hakim Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

Pendaftar-Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah
Perak Darul Ridzuan

Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah
Perak Darul Ridzuan

**Arahan Amalan
Ketua Hakim Syarie Negeri Perak
No. 5 Tahun 2025**

**Pendaftaran Kes Secara Berasingan Dalam Sistem E-Syariah Versi 3
Melibatkan Persetujuan Lain atau Terma yang Bersampingan
yang Direkodkan Secara Bersama
Dengan Pengecualian Fi Pendaftaran**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A / Y.A / Tuan / Puan kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Ketua Hakim Syarie Perak pada 28 Mei 2025 dan berdasarkan peruntukan seksyen 45 Enakmen Mahkamah Syariah (Perak) 2018, saya mengeluarkan arahan ini berhubung dengan pendaftaran kes secara berasingan dalam Sistem E-Syariah Versi 3 melibatkan persetujuan lain yang dicapai secara bersama atau terma bersampingan dengan pengecualian fi pendaftaran. Pengecualian fi bagi pendaftaran kes ini

diberikan berdasarkan kepada kaedah 12 Kaedah-Kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Fi, Elaun dan Kos) (Perak) 2023.

Arahan amalan ini berkuatkuasa serta merta.



(YAA DATO' HJ. AB. RAHMAN THOBRONI BIN HJ. MOHD MANSOR)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah

PERAK DARUL RIDZUAN

s.k:

1. Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Perak
2. Pegawai Undang-Undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak
3. Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perak
4. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Perak
5. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga JAIPk
6. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama JAIPk
7. Penolong Pengarah Bahagian Sokongan Keluarga
8. Peguam-Peguam Syarie Negeri Perak

**Carta Alir Pemfailan / Pendaftaran Kes Secara Berasingan Dalam Sistem ESyariah Versi 3
Melibatkan Persetujuan Lain Yang Direkodkan Secara Bersama Dengan Pengecualian Fi
Pendaftaran**

TANGGUNGJAWAB	TINDAKAN	CATATAN
Pelanggan / Petugas Kaunter	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;">Pendaftaran Kes di Kaunter Pendaftaran Mahkamah</div>	
Pendaftar / Pegawai Sulh / Hakim	<div style="text-align: center;">↓</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;">Sebutan / Majlis Sulh / Perbicaraan</div>	
Pendaftar / Pegawai Sulh / Hakim	<div style="text-align: center;">↓</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;">Persetujuan Lain Dicapai Secara Bersama Di Hadapan Hakim / Pendaftar / Pegawai Sulh di mana-mana peringkat prosiding. Rekod persetujuan hendaklah dibuat</div>	<p align="center">Rekod Persetujuan (salinan dibuat mengikut jumlah kes persetujuan yang dicapai)</p>
Pelanggan / Pendaftar	<div style="text-align: center;">↓</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;">Daftar Kes/Buka Fail Kes Bagi Persetujuan Lain yang telah dipersetujui oleh pihak- pihak di Kaunter Mahkamah Dengan Pengecualian Fi Pendaftaran dengan membawa Rekod Persetujuan / Perjanjian Penyelesaian</div>	<p align="center">Kaedah 12 Kaedah-Kaedah (Fi, Elaun & Kos)(Perak) 2023</p>
Pembantu Sulh / Pembantu Hakim	<div style="text-align: center;">↓</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;">Bawa semula semua fail (Saman dan Rekod Persetujuan) berkenaan di hadapan Hakim untuk pengendorsan</div>	
Hakim	<div style="text-align: center;">↓</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;">Rekod dan Endors Persetujuan Kes Induk termasuk Persetujuan Lain (Kes Berasingan) Di Hadapan Hakim</div>	
Pelanggan / Petugas Kaunter	<div style="text-align: center;">↓</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;">Selesai Endors depan Hakim, Pelanggan isi borang mohon perintah bagi setiap fail kes</div>	
Pembantu Hakim / Pendaftar	<div style="text-align: center;">↓</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;">Sediakan Deraf & Semakan Deraf Perintah bagi setiap kes</div>	<p align="center">Bayaran Perintah Dikenakan Secara Berasingan Mengikut Jenis Kes</p>
Pembantu Hakim / Pelanggan	<div style="text-align: center;">↓</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;">Perintah Bersih Diserahkan Kepada Pelanggan bagi setiap kes</div>	

**DI DALAM MAHKAMAH RENDAH/TINGGI SYARIAH
DI (LOKASI MAHKAMAH)
DALAM NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

KES SAMAN / PERMOHONAN:

ANTARA

NAMA

(No.K/P:)

PLAINTIF / PEMOHON

DENGAN

NAMA

(No. K/P)

DEFENDAN / RESPONDEN

**DI HADAPAN YANG ARIF/TUAN/PUAN HAKIM /PENDAFTAR
NAMA HAKIM /PENDAFTAR
JAWATAN HAKIM /PENDAFTAR
PADA [TARIKH cth 5 Disember 2025]**

**DALAM KAMAR /
MAHKAMAH TERBUKA**

REKOD PERSETUJUAN

PERSETUJUAN BERSAMA telah dicapai antara pihak Plaintiff / Pemohon bersendirian / dengan kehadiran Peguam Syariene dari Tetuan dan Kehadiran Defendan / Responden bersendirian / dengan kehadiran Peguam Syariene dari Tetuan di Mahkamah Tinggi / Rendah Syariah Setelah perundingan dan penjelasan, kedua-dua pihak Plaintiff / dan Defendan secara sukarela telah bersetuju dan **MAHKAMAH MEREKODKAN PERSETUJUAN SEPERTI BERIKUT:**

1. [Terma-terma persetujuan]
2. [Terma-terma persetujuan]
3. [Terma-terma persetujuan]

Bertarikh:

.....
(Hakim / Pendaftar)